


Jawab semua soalan

1. Azila menjalankan satu penyiasatan dengan menggunakan dua span untuk membandingkan keupayaan penyerapan air. Kedua-dua span direndamkan ke dalam 1000 ml air selama 1 minit. Selepas itu, span dikeluarkan dan isi padu air yang tinggal direkodkan seperti Jadual 1.

5

Span	Isi padu air yang tinggal (ml)
	20
	45

Jadual 1

- (a) Apakah tujuan penyiasatan ini dijalankan?

- (b) Nyatakan satu maklumat yang dimalarkan dalam penyiasatan ini.

(c) Apakah corak perubahan isi padu air yang diserap oleh span?

(d) Nyatakan hipotesis yang sesuai bagi penyiasatan ini.

(e) Apakah definisi secara operasi bagi keupayaan penyerapan air oleh span?

2. Haiwan mempunyai pelbagai cara untuk memastikan kemandirian spesies masing-masing.

5

(a) Apakah definisi kemandirian spesies?

(b) Haiwan dalam Rajah 1.1 juga mempunyai cara untuk memastikan kemandirian spesies.



Rajah 1.1

(i) Apakah cara haiwan dalam Rajah 1.1 untuk memastikan kemandirian spesiesnya?

(ii) Bagaimanakah cara yang dinyatakan di 2(b)(i) dapat menjamin kemandirian spesiesnya?

(c) Haiwan dalam Rajah 1.2 dapat hidup untuk tempoh yang lama tanpa makan dan minum.



Rajah 1.2

- (i) Apakah ciri khas haiwan dalam Rajah 1.2 untuk hidup di kawasan padang pasir?

(ii) Nyatakan satu contoh haiwan lain yang mempunyai ciri khas seperti haiwan dalam Rajah 1.2.

3. (a) Rajah 2 menunjukkan bunga yang terbesar di dunia.

5



Rajah 2

- (i) Bagaimanakah tumbuhan di atas dapat melindungi diri daripada musuh?

- (ii) Pada pendapat kamu, mengapakah bilangan tumbuhan dalam Rajah 2 semakin berkurang walaupun mempunyai ciri khas untuk melindungi diri?

- (b) Padankan tumbuhan di bawah dengan cara pencaran yang betul.

Buah meranti

Angin

Buah kelulut


Mekanisme letupan

Manusia dan haiwan

- (c) Ramalkan kesan kepada sesuatu spesies tumbuhan jika tiada agen pencaran bagi biji benihnya.

4. (a) Rajah 3.1 menunjukkan dua jenis litar elektrik.

5




Rajah 3.1

- (i) Apakah yang dapat diperhatikan jika sebiji mentol ditambahkan pada litar R?

- (ii) Litar manakah yang dipasang secara bersiri?

- (iii) Sistem pendawaian elektrik di rumah menggunakan jenis litar R. Nyatakan satu kelebihan litar R berbanding dengan litar S.

- (b) Rajah 3.2 menunjukkan kaedah yang digunakan oleh seorang murid untuk memasang plag 2 pin kepada satu soket.



Rajah 3.2

- (i) Apakah kejadian buruk yang mungkin terjadi kepada murid tersebut?

- (ii) Nyatakan satu amalan penjimatan tenaga elektrik yang perlu dilakukan.

KERTAS SOALAN TAMAT